

25 NOV 2001

Khalil-PBS

MESYUARAT TERTINGGI BN BINCANG PERMOHONAN PBS

KUANTAN, 25 Nov (Bernama) -- Keputusan mengenai permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN) akan ditentukan oleh mesyuarat tertinggi BN tidak lama lagi.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata permohonan PBS itu akan dirujuk pada mesyuarat itu.

Beliau berkata Umno pada dasarnya terbuka kepada permohonan PBS untuk menyertai semula BN.

"...dari segi kenyataan-kenyataan pemimpin kita, bermaknanya Umno terbuka kepada permohonan ini...layanan yang diberi kepada (Presiden PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan bermaknanya kita pergi kepada arah terbaik-baik," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sumbangan kepada masjid dan surau kawasan Parlimen Kuantan di sini hari ini.

Khalil berkata hasrat PBS untuk kembali semula menyertai BN adalah satu tindakan positif kepada politik di Sabah.

PBS telah mengemukakan permohonan rasmi untuk menyertai semula BN pada 15 Nov lepas apabila presiden parti itu menyampaikan sendiri permohonan berkenaan kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Khalil berkata kemasukan semula PBS ke pangkuan BN akan mengeratkan perpaduan di kalangan penduduk Sabah dan memudahkan proses pembangunan negeri itu.

"Yang penting atas kesedaran masuk semula PBS ini, sebahagian daripada penduduk Kadazan yang dulu bernaung di bawah PBS yang merasakan mereka ketinggalan menikmati pembangunan...penyertaan dalam BN maka perhatian dari pembangunan akan juga diberi kepada mereka," katanya.

-- BERNAMA

MS MOZ